

PERANAN KERAJAAN DALAM PENDIDIKAN ANTIRASUAH DI MALAYSIA DAN IMPAKNYA TERHADAP MASYARAKAT

The Role Of The Government In Anti-Corruption Education In Malaysia And Its Impact On Society

Azman Ab Rahman^{1a,*}, Md Yunus Abd. Aziz^{2b}, Ahmad Zaki Salleh^{3c} dan
Anis Nabilah Kamarulzaman^{4d}

^aFakulti Syariah dan Undang-Undang dan Institut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA,

E-mel: azman@usim.edu.my¹

^bFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,

E-mel: yunus@usim.edu.my²

^cFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,

E-mel: ahmadzaki@usim.edu.my³

^dFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,

E-mel: anisbella49@gmail.com⁴

*Corresponding Author: azman@usim.edu.my

Received: 11 January 2024

Accepted: 12 January 2024

Published: 15 January 2024

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.29no1.574>

Abstrak

Rasuah merupakan fenomena sosial yang telah diwarisi oleh hampir setiap masyarakat sejak awal peradaban. Ia menjadi isu yang polemik dan hangat diperkatakan serta merosakkan imej terhadap negara. Menurut laporan SPRM, statistik jumlah tangkapan dari tahun 2014 sehingga 2021 berlaku kenaikan setiap tahun iaitu 552 kes kepada 847 kes. Bahkan Malaysia turut mencatatkan kehilangan hampir RM 1.8 trilion disebabkan kegiatan amalan rasuah. Justeru artikel ini membincangkan peranan kerajaan dalam memerangi rasuah di Malaysia. Artikel ini juga akan mengkaji usaha dan inisiatif kerajaan dalam pendidikan antirasuah serta meneliti impak pendidikan antirasuah terhadap pelajar dan masyarakat di Malaysia. Kajian ini adalah kajian kualitatif dan pengumpulan data

Abstract

Corruption is a social phenomenon that has been inherited by almost every society since the early civilizations. It has become a polemical issue that is widely discussed and tarnishes the image of the country. According to the MACC report, the statistics on the number of arrests from 2014 to 2021 have shown an annual increase, from 552 cases to 847 cases. Furthermore, Malaysia has recorded a loss of nearly RM 1.8 trillion due to corrupt practices. Therefore, this article discusses the role of the government in combating corruption in Malaysia. The article also examines the government's efforts and initiatives in anti-corruption education and explores the impact of anti-corruption education on students and society in Malaysia. This study is qualitative, and

<p><i>menggunakan kaedah pemerhatian dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa program pendidikan antirasuah amat penting dalam membendung isu rasuah yang berlaku pada hari ini. Justeru menjadi satu perkara yang penting bagi kerajaan dalam memberi kesedaran di peringkat awal pembelajaran melalui pendedahan pendidikan antirasuah dalam silibus belajar dan program bagi mengelakkan rasuah berleluasa.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Rasuah, Pendidikan Antirasuah, Malaysia</i></p>	<p><i>data collection is done through observation and document analysis. The study found that anti-corruption education programs are crucial in curbing the issue of corruption today. Hence, the government needs to raise awareness at the early learning stages through the inclusion of anti-corruption education in the curriculum and programs to prevent the rampant spread of corruption.</i></p> <p>Keywords: <i>Corruption, Anti-Corruption Education, Malaysia.</i></p>
--	---

1. PENDAHULUAN

Pada era globalisasi ini, cabaran terbesar dalam menuju kemajuan negara yang lebih efektif justeru muncul bukan melalui masalah kemunduran teknologi melainkan mentaliti yang tidak membangun. Masyarakat Malaysia kini dilanda kerosakan akhlak dan kemunduran pemikiran kerana gejala-gejala rasuah yang mengakibatkan kemiskinan, pencurian hak intelektual dan kerugian terhadap negara. Berdasarkan Indeks Persepsi Rasuah (CPI), Malaysia mencatatkan penurunan statistik pada tahun 2014 dengan skor 52 kepada 47 pada tahun 2018. Malaysia juga kehilangan sebanyak RM 1.8 trilion menerusi aliran kewangan yang tidak sah dan sebahagiannya adalah berpunca melalui amalan rasuah. Selain itu, pembangunan era ini juga mendorong manusia menjadi mesin yang tidak mempunyai hati nurani, ketidakjujuran, manipulasi serta tidak mempedulikan akibat daripada perbuatan yang pentingkan diri. Oleh itu, pendidikan amat penting dalam mendidik generasi yang berkualiti melalui perspektif integriti dan humanistik. Pendidikan bukan sahaja memfokuskan kepada aktiviti dalam kelas malah harus mengacu kepada pelbagai proses dan aktiviti yang bersifat produktif, deduktif, keperibadian dan perspektif yang menjadi keutamaan dalam membangunkan nilai integriti yang mapan dalam diri setiap individu.

Sistem pendidikan yang diamalkan di Malaysia mempunyai kaedah pengajaran yang berpandukan strategi pedagogi dan corak pengajaran yang berkesan dalam meningkatkan pencapaian pembelajaran murid. Ia juga seiring dengan pembangunan negara di samping menitikberatkan pendidikan dalam membentuk minda seseorang pemangkin negara. Tujuan ini semestinya memerlukan fokus kepada pencapaian dalam pendidikan yang berkait rapat dengan keberkesanan cara penyampaian guru terhadap muridnya dalam

pembelajaran (Zakaria Abdullah, 2012). Selain itu, keperluan pendidikan semakin meningkat seiring dengan perubahan transformasi dalam mencapai matlamat. Kepelbagaian kaedah dalam sistem pendidikan amatlah penting untuk mencapai matlamat khususnya dalam pendidikan anti rasuah. Oleh yang demikian, usaha kerajaan dalam pendidikan anti rasuah di Malaysia mampu mencapai objektif dalam membendung aktiviti amalan rasuah dari peringkat awal usaha.

Oleh itu, kerajaan membuat inisiatif dalam sistem pendidikan melalui beberapa agensi kementerian yang berfungsi untuk melahirkan generasi yang mempunyai intelektual, emosi, dan jiwa yang stabil. Selain itu, keperibadian yang baik juga dititikberatkan dalam membentuk individu yang bertanggungjawab, amanah, integriti dan jati diri yang teguh. Antara agensi kerajaan yang bersama-sama terlibat dalam usaha dan inisiatif kerajaan dalam membendung isu rasuah dengan pendidikan anti rasuah adalah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kementerian Pendidikan memfokuskan silibus dalam pendidikan anti rasuah di setiap peringkat sekolah bagi menyampaikan dan memberi kesedaran mengenai bahaya rasuah dan nilai sesebuah integriti.

2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dalam bentuk pemerhatian dan analisis dokumen. Data-data yang dikumpulkan melalui sumber dokumen, tesis, buku dan artikel yang berkaitan. Selain itu, data daripada laman sesawang juga digunakan bagi mengumpul maklumat berkaitan pendidikan antirasuah dan impak terhadap masyarakat. Pengumpulan data ini menggunakan kaedah pemerhatian iaitu menghuraikan terperinci tentang situasi, keadaan, interaksi dan tingkah laku di lapangan manakala kaedah analisis dokumen ialah mengumpulkan dan analisis setiap data yang dikumpulkan bagi menapis maklumat mengenai penyelidikan yang berkaitan. Maklumat yang telah ditapis akan dibahagikan mengikut tema kajian.

3. HASIL KAJIAN

3.1 Program Pendidikan Antirasuah

Pendidikan antirasuah merupakan salah satu usaha kerajaan dan inisiatif Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membendung kegiatan rasuah. Usaha ini bukan sahaja memfokuskan pelajar sekolah malah

pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) dengan mewujudkan program kursus integriti dan antirasuah dalam mengukuhkan jati diri individu dalam sistem pendidikan di Malaysia. Selain itu, pelbagai program dilancarkan dengan objektif untuk memberi pendedahan awal kepada anak muda dan sasaran untuk program-program ini adalah pelajar dan masyarakat. Kesedaran ini perlu diberi pendedahan awal agar ia dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian sekaligus menguatkan kadar kesedaran tentang bahaya rasuah pada masyarakat jika ia menjadi budaya dan semestinya akan memberi kesan yang besar terhadap negara.

Gejala rasuah ini bukan sahaja merosakkan sistem ekonomi negara kerana kerugian yang dihadapi malah sistem dalam sesebuah organisasi juga akan punah apabila ada kegiatan rasuah berlaku. Rasuah mampu merosakkan sistem organisasi dan generasi kerana ia meruntuhkan kepercayaan dan integriti dalam proses membuat keputusan. Rasuah menyebabkan penyalahgunaan kuasa dan pembuangan sistematik kepada individu yang tidak layak, menyebabkan pencapaian berdasarkan merit dan kebolehan terabai. Selain itu, rasuah juga menggalakkan sikap malas dan tidak bertanggungjawab dalam kalangan pekerja serta pemimpin. Inovasi, daya saing, dan pembangunan akhirnya terbantut kerana sumber dan pelaburan dialirkan kepada projek-projek rasuah yang tidak produktif. Secara generasi, rasuah turut mempengaruhi nilai dan etika masyarakat dalam jangka masa panjang. Anak-anak muda tumbuh dengan model peranan yang tidak bermaruah, menyebabkan sikap negatif dan pembangunan sosial yang lemah dalam masyarakat.

3.1.1 *Pertama: Program Wira Antirasuah (WAR)*

Program Wira Antirasuah (WAR) adalah pendekatan strategik dalam usaha mendekati komuniti Cina yang bermula pada tahun 2014 di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Ladang Harcroft, Puchong di Selangor. Program WAR ini menyasarkan murid-murid sekolah rendah dan menengah serta guru-guru mereka. Program Wira Antirasuah (WAR) dibuat bertujuan untuk memupuk semangat dan keberanian individu dalam memerangi rasuah dalam masyarakat. Selain itu, objektif Program WAR ini dilaksanakan untuk membudayakan nilai-nilai amanah, jujur dan tidak mengambil hak orang lain dalam kehidupan seharian murid-murid. Pengamalan nilai-nilai positif ini akan melahirkan generasi yang tinggi tahap integritinya. Secara tidak langsung, murid-murid akan menyedari tentang bahaya dan keburukan jenayah rasuah (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2023).

Program ini juga adalah kempen dan usaha dalam memberi kesedaran mengenai bahaya rasuah serta peranan setiap individu dalam memerangnya. Pelaksanaan Program WAR ini mendapat kelulusan dan kebenaran daripada Bahagian Sukan, Kesenian dan Kokurikulum (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPM juga memberikan Kerjasama yang sangat baik dalam menjayakan inisiatif Program WAR di sekolah-sekolah. Selain itu, Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 2020 juga telah dimuatkan tentang pelaksanaan Program WAR. Antara aktiviti utama dalam Program WAR adalah taklimat, tayangan video, permainan antirasuah dan edaran bahan kempen serta kehadiran maskot SPRM iaitu Kapten MACC untuk menambah keseronokan dalam menimba ilmu dan memberi kesedaran tentang bahaya rasuah kepada pelajar-pelajar sekolah (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2023).

Justeru itu, Program Wira Antirasuah (WAR) adalah penting untuk memupuk semangat integriti dan keberanian dalam masyarakat serta menjadi inspirasi dan contoh teladan yang positif untuk diikuti. Melalui pengiktirafan dan sokongan, program ini turut membina jaringan sokongan yang kuat dalam memerangi rasuah dan memupuk kecemerlangan dalam menegakkan nilai-nilai integriti. Oleh hal yang demikian, program ini perlu diteruskan bertujuan untuk mempromosikan nilai integriti dan memupuk sikap cemerlang dalam memerangi rasuah dalam masyarakat. Selain itu, Program WAR ini juga menggunakan pelbagai platform untuk menyebarkan tentang gejala rasuah termasuk media sosial, program komuniti dan Kerjasama dengan sekolah, institusi pengajian tinggi serta organisasi bukan kerajaan. Keberkesanan program ini boleh diukur melalui peningkatan kesedaran tentang rasuah, peningkatan pelaporan kes-kes rasuah, serta peningkatan keyakinan masyarakat terhadap keberkesanan sistem antirasuah.

Inisiatif Program Wira Antirasuah ini adalah bertujuan untuk memberi pengiktirafan dari segi penyelidikan dan pendedahan kepada individu atau Kumpulan yang berhasil mempamerkan keberanian dalam mendedahkan kes rasuah yang berlaku dan bertindak sebagai peneraju dalam pembasmian gejala rasuah. Selain itu, program ini menyediakan peluang latihan dan pembangunan dalam membina keupayaan individu untuk mengenal pasti dan melawan rasuah seterusnya kecekapan dalam pelaporan dan pencegahan rasuah. Program ini juga mempromosikan "wira-wira" untuk menjadi peranan model dalam komuniti mereka dan terlibat dalam usaha-usaha untuk memerangi rasuah dan mendorong nilai-nilai integriti.

3.1.2 Program Angkatan Mahasiswa Antirasuah (AMAR)

Pada tahun 2007, kerajaan dan Kementerian Pengajian Tinggi bersetuju untuk menubuhkan Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) di 20 universiti awam di Malaysia. Setiap universiti diberikan geran sebanyak RM10,000 bagi penubuhan SPR. Penubuhan SPR dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Mustapa Mohamed pada 6 Disember 2007. Kemudian, pada 22 Januari 2013, SPR diperluaskan dengan penubuhan di 27 Institut Pendidikan Guru di seluruh Malaysia. Seterusnya, pada 31 Mei 2013, SPR ditubuhkan di 57 Institusi Pendidikan MARA termasuk Universiti Kuala Lumpur, Kolej Poly-Tech MARA dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA. Pada 24 September 2018, SPR dijenamakan semula sebagai Angkatan Mahasiswa Antirasuah (AMAR) bagi memberi imej serta identiti seragam di seluruh negara (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2023).

Program Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah (AMAR) adalah program kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bersama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan merupakan inisiatif yang bertujuan untuk melibatkan dan memperkasakan mahasiswa dalam usaha memerangi rasuah dalam masyarakat. Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah (AMAR) sebelum ini dikenali sebagai Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR). SPR ditubuhkan pada tahun 2007 susulan dapatan yang membimbangkan berdasarkan Kajian Persepsi Awam Terhadap Rasuah 2002 oleh Universiti Kebangsaan Malaysia. Antara dapatan kajian adalah:

- a) 15% daripada 494 pelajar yang menyatakan kesanggupan memberi rasuah untuk melicinkan urusan harian atau untuk menyelesaikan sesuatu urusan
- b) 23% daripada pelajar menyatakan kesanggupan memberi rasuah untuk mengelak daripada sesuatu tindakan diambil terhadap mereka kerana telah melakukan sesuatu kesalahan; dan
- c) 30% daripada 494 pelajar menyatakan sekiranya mempunyai kuasa, sanggup menerima rasuah jika berpeluang

Mewujudkan generasi muda yang membenci rasuah dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara yang bebas rasuah merupakan visi yang digunakan oleh AMAR dan misinya adalah menerajui usaha pembudayaan nilai-nilai murni, pencegahan rasuah dan salah guna kuasa dalam kalangan pelajar IPT. Program AMAR juga memegang moto Suara Mahasiswa Memerangi Rasuah sebagai salah satu penguat tujuan penubuhan AMAR. Selain itu, penubuhan AMAR ini juga mempunyai objektif yang kukuh dalam usaha pencegahan rasuah. Objektif AMAR adalah:

- a) Menerapkan nilai antirasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pelajar IPT
- b) Membudayakan nilai-nilai murni dan antirasuah dalam kalangan pelajar IPT
- c) Mendedahkan pelajar IPT kepada program pencegahan rasuah
- d) Melatih pelajar IPT kepada pengurusan pelaksanaan program pencegahan rasuah
- e) Menjadikan pelajar IPT sebagai penyampai mesej antirasuah kepada warga kampus dan luar kampus
- f) Menjadikan sumber rujukan dan pusat informasi mengenai jenayah rasuah dan salah guna kuasa
- g) Menjadi pemangkin kerjasama antara SPRM dan IPT

Selain itu, nilai yang menjadi keutamaan dalam Program AMAR ini adalah jujur, komited dan bermaruah. Sifat jujur yang dimaksudkan ini haruslah dimiliki oleh setiap manusia kerana sikap dan sifat ini merupakan prinsip dasar dari cerminan keperibadian dan akhlak seseorang manakala komited adalah bersungguh-sungguh dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan tanpa mengharapkan ganjaran dan melaksanakan sesuatu tindakan itu kerana didorong oleh minat dan kesukaan. Seterusnya, nilai korporat AMAR adalah bermaruah dengan sentiasa menjaga maruah, nama baik dan imej sendiri serta menghindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang mencemarkan imej dan nama. Seterusnya, program ini telah dijalankan di 20 Universiti Awam, 27 Institut Pendidikan Guru, 56 Institusi Pengajian di bawah MARA dan 14 Universiti Swasta (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2023).

Justeru itu, Program Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah telah mendapat beberapa pencapaian iaitu Pencalonan untuk Sheikh Tamim Bin Hamad Al-Thani International Anti-Corruption Excellence Award 2020 bagi kategori *Anti-Corruption Youth Creativity and Engagement*, Anugerah Perak Pertandingan Inovasi sempena Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan 2020 (InnoMEDC 2020), Anugerah Emas dan Naib Johan Pertandingan Inovasi Jabatan Perdana Menteri melalui projek *Walk Stop Talk: Six Hours Quarter Million Messengers* dan Pengiktirafan Malaysian Book of Record melalui Program *Walk Stop Talk: Six Hours Quarter Million Messengers* (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2023). Oleh itu, Program AMAR adalah penting kerana ia memainkan peranan dalam memupuk kesedaran dan kesedaran dalam kalangan generasi muda terhadap ancaman rasuah. Mahasiswa sebagai agen perubahan juga mampu memberi impak yang besar dalam memerangi rasuah dan memperkasakan nilai-nilai integriti dalam masyarakat.

Melalui keaktifan "Angkatan Mahasiswa Antirasuah," mahasiswa dapat menjadi agen perubahan dalam memupuk nilai integriti di kalangan generasi muda serta menjadi pemangkin untuk membanteras rasuah dalam masyarakat secara keseluruhan. Program ini juga memberi peluang kepada mahasiswa untuk memainkan peranan yang aktif dalam membangunkan kesedaran dan tindakan positif dalam membentuk masa depan yang lebih bersih dan berintegriti.

4. PERBINCANGAN

4.1 *Impak Pendidikan Antirasuah Terhadap Pelajar Dan Masyarakat*

Isu rasuah yang kian meningkat pada masa kini memberi kesan yang buruk kepada negara. Oleh kerana itu, kerajaan mengambil peranan penting dalam menangani isu rasuah dengan memasukkan sistem pendidikan antirasuah dalam silibus pembelajaran di Malaysia. Pelbagai inisiatif dan alternatif dalam sistem pendidikan antirasuah untuk menarik dan memberi kefahaman kepada masyarakat melalui pendidikan awal persekolahan. Hal ini untuk membina jati diri yang kukuh dalam diri individu. Selain itu, program-program yang dilancarkan dalam menjayakan sistem pendidikan antirasuah ini juga mempunyai objektif serta misi dan visi yang sama iaitu untuk membasmi amalan rasuah. Program-program yang dijalankan ini sesuai untuk pelbagai peringkat umur dari segi input dan output. Oleh itu, usaha dan peranan kerajaan dalam pendidikan antirasuah di Malaysia ini dilihat mampu memberi impak yang penting dalam kalangan pelajar dan masyarakat melalui kesedaran, penghayatan yang mendalam dan jati diri.

4.1.1 *Pertama: Kesedaran Tentang Bahaya Rasuah*

Pendidikan antirasuah ini merupakan satu program dan silibus pembelajaran yang berkait mengenai isu rasuah. Kegiatan rasuah yang bergejala di negara Malaysia ini dilihat sangat kritis dan berada di tahap yang membimbangkan. Oleh itu, pendidikan antirasuah ini bertujuan untuk membantu meningkatkan tahap kesedaran masyarakat tentang bahaya rasuah. Rasuah ini bukan sahaja bahaya terhadap ekosistem dalam sesebuah organisasi malah ia juga memberi impak yang negatif kepada pembangunan negara. Kesedaran terhadap bahaya rasuah ini perlu digalakkan agar masyarakat mengetahui kesan buruk dan memainkan peranan dalam melaporkan atau menolak amalan rasuah. Melalui pendidikan antirasuah juga masyarakat dapat lebih berhati-hati dalam kegiatan amalan rasuah melalui pelbagai aspek dan cara. Kepentingan kesedaran ini juga untuk menjaga integriti dan etika dalam kehidupan seharian. Masyarakat akan lebih peka

terhadap tanda-tanda rasuah dan memiliki ilmu pengetahuan yang lebih baik tentang bagaimana rasuah dapat memberi kesan negatif kepada pelajar dan masyarakat secara keseluruhannya.

Selain itu, kesedaran pada peringkat awal ini dapat memberi ilmu pengetahuan tentang kesan negatif dan kerugian yang ditanggung oleh negara kerana gejala rasuah yang kian meningkat. Amalan rasuah ini bukan sahaja memberi kerugian kepada ekonomi negara malah meruntuhkan kepercayaan masyarakat terhadap kerajaan. Kesedaran terhadap bahaya rasuah sangat penting kerana memiliki kesan yang luas di pelbagai aspek kehidupan antaranya ialah mencegah kerugian ekonomi negara. Menurut Fahim A. Al-Marhubi (2000) pertumbuhan ekonomi yang lembab disebabkan kekurangan pelaburan dan ia terjadi kerana kelemahan dalam makroekonomi serta menyumbang kepada peningkatan inflasi. Seterusnya, implikasi dalam politik di Malaysia turut melemahkan kepercayaan masyarakat terhadap ketelusan kerajaan. Pelbagai isu rasuah dalam politik yang menjadi pertikaian seperti ketidakjujuran dalam amalan politik wang, kronisme dan penyelewengan kuasa (Mohd Izzuddin, Mohammad Agus. 2017). Hal ini kerana, semua aktiviti ekonomi bergantung kepada kawalan politik dan sosial (Mohd Hafiz, Md Zyadi et.al. 2009).

4.1.2 Kedua: Penghayatan Yang Mendalam

Impak kedua dalam pendidikan antirasuah adalah memupuk penghayatan yang mendalam. Melalui penghayatan yang mendalam, individu mampu membayangkan betapa buruknya kesan gejala rasuah dan implikasi yang akan menyumbang kepada kemerosotan dalam sistem sosial dan pembangunan negara. Menurut David Ng (2006), Bank Dunia mengandaikan rasuah ini sebagai satu ancaman yang terbesar kepada ekonomi dan pembangunan sosial. Hal ini juga turut membantutkan pertumbuhan ekonomi dengan memporak-perandakan undang-undang dan melemahkan institusi asas pembangunan negara. Selain itu, masyarakat lebih berwaspada terhadap amalan rasuah dan taktik-taktik dalam pemberian rasuah yang pada akhirnya akan memberi kerugian kepada diri sendiri. Penghayatan dan pemahaman mengenai isu rasuah ini akan menimbulkan rasa cinta dan sayang terhadap negara. Masyarakat akan menghindari diri daripada terjebak dengan rasuah dan memupuk semangat antirasuah dengan nilai kejujuran dan amanah. Penghayatan ini perlu diterapkan dari awal agar mampu membina kekuatan dalaman yang kuat dan tidak mudah terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang merugikan diri.

Selain itu, melalui penghayatan yang mendalam akan terhasilnya pemimpin-pemimpin yang menitikberatkan nilai keadilan dalam sosial. Hal ini kerana, masyarakat faham akan isu rasuah yang berlaku turut disumbangkan oleh ketidakadilan dalam penyelewengan kuasa untuk kepentingan diri sendiri. Menurut Hanafi (2004), bahawa seseorang yang diresapi sikap pentingkan diri sendiri akan terdorong kepada sikap tidak berintegriti, bermuka-muka dan berpura-pura yang akhirnya mampu menggugat keutuhan peribadi dan merosakkan nilai amanah (Daud, 2019). Hal ini kerana, sikap mementingkan diri sendiri akan mendorong kepada sikap tidak berintegriti dan cenderung kepada rasuah (Sarah, Adib. 2013). Oleh itu, penghayatan yang mendalam amat penting dalam memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa gejala rasuah ini berlaku turut disumbangkan oleh ketidakadilan dalam sistem organisasi dan sikap pentingkan diri sendiri dan kaum kerabat untuk mengaut keuntungan yang semestinya akan melibatkan hak orang lain.

4.1.3 Ketiga: Membina Jati Diri Yang Kuat

Pendidikan antirasuah bertujuan untuk menerapkan nilai integriti dalam diri serta membina jati diri yang kuat. Hal ini kerana, ia mampu menghindari diri daripada terjerumus dengan godaan yang mampu menjerat diri. Rasuah ini satu kegiatan yang mampu memberi kesenangan dengan cara yang mudah dan cepat. Menurut Mohamad Fauzi (2001) dan Kamarudin (2004), punca berlakunya rasuah di Malaysia adalah keinginan untuk hidup mewah melebihi kemampuan dan keinginan untuk mencapai status dalam masyarakat mendorong kepada berlakunya rasuah. Oleh itu, jati diri yang kuat mampu menghalang diri daripada terjebak dengan janji-janji manis demi sesebuah kesenangan yang sementara. Usaha kerajaan dalam pendidikan antirasuah melalui peringkat awal persekolahan adalah inisiatif yang bijak. Selain memberi pendedahan awal mengenai bahaya rasuah, masyarakat berupaya untuk mengenal pasti ciri-ciri rasuah dan cara untuk atasinya. Masyarakat yang dididik dengan nilai-nilai antirasuah cenderung untuk mengamalkan prinsip-prinsip yang menjunjung tinggi integriti dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian, jati diri yang kuat akan membentuk individu yang bertanggungjawab, amanah, jujur dan berintegriti.

Pendidikan antirasuah juga akan melahirkan generasi yang mempunyai wawasan dan semangat yang kuat dalam meningkatkan kemajuan pembangunan negara. Kesan daripada itu, sistem ekonomi mampu mencapai sasaran kemajuan seiring dengan negara-negara bebas rasuah yang lain. Peningkatan pelaburan luar juga akan membantu pembangunan negara. Hal ini penting untuk memastikan pembangunan ekonomi yang mapan serta keadilan sosial dalam masyarakat. Natijahnya, pembinaan jati diri yang kuat

akan melahirkan masyarakat antirasuah dan kerajaan yang telus dalam menjalankan amanah dengan baik.

5. PENUTUP

Usaha dan peranan kerajaan dalam pendidikan antirasuah di Malaysia adalah sangat penting untuk membendung gejala rasuah. Hal ini bersangkut paut dengan kurang kesedaran tentang bahaya rasuah dan ilmu pengetahuan cara mengatasinya. Justeru itu, Pendidikan antirasuah ini adalah langkah pendekatan kerajaan dalam memberi pendedahan awal melalui sistem pendidikan di Malaysia. Pendedahan yang diberikan juga mempunyai pelbagai cara dan kaedah untuk memberi kefahaman kepada masyarakat di tahap yang maksimum. Penglibatan SPRM, KPT dan KPM turut membantu memberi kesedaran dalam sistem pendidikan antirasuah di Malaysia.

Pelbagai program dilancarkan mengikut peringkat pembelajaran seperti Program Wira Antirasuah yang menyasarkan pelajar sekolah rendah dan menengah serta Program Angkatan Mahasiswa Antirasuah yang memfokuskan kepada pelajar pengajian tinggi. Pembangunan sistem pendidikan antirasuah ini untuk memberi impak yang positif kepada masyarakat seperti kesedaran terhadap bahaya rasuah, penghayatan yang mendalam serta membina jati diri yang kuat. Perkara ini sudah pasti membawa kepada pembangunan ekonomi negara yang lebih maju dan mampu mencapai tahap yang maksimum serta melahirkan generasi antirasuah dan berintegriti.

6. PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Projek Penyelidikan *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) USIM, dengan tajuk Pendekatan Bersepadu Pencegahan Rasuah Berdasarkan Kerangka Syariah Dan Perundangan Di Malaysia Ke Arah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Kod Penyelidikan FRGS/1/2022/SSI12/USIM/02/1. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

7. RUJUKAN

- Al-Marhubi, F. A. (2000). Corruption and inflation. *Economics Letters*, 66(2), 199–202. [https://doi.org/10.1016/S0165-1765\(99\)00230-X](https://doi.org/10.1016/S0165-1765(99)00230-X)
- Hamdani, H. (2014). *Integriti menurut Hadith Nabi: Kajian Terhadap Kefahaman Kakitangan Pentadbiran UiTM Shah Alam / Hanafi bin Hamdani*.
- Arim, K. (2004). *Korupsi dan pembangunan: kajian kes tentang rasuah di Malaysia/Kamarudin bin Arim* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Mohamad Fauzi, H. H. (2001). *Jenayah Rasuah di Agensi Penguatkuasaan Undang-undang di Malaysia: Satu Analisis Persepsi Pegawai Awam di Unit Pencegah Penyeludupan Negeri Kelantan*. (Master dissertation, Universiti Utara Malaysia). <https://etd.uum.edu.my/332/>
- Mohd Hafiz A. W., Md Zyadi M. T. & Sanep A. (2009). Implikasi Pengamalan Rasuah Dalam Menjana Pertumbuhan Ekonomi Negara: Perbandingan Kajian di Antara Malaysia dan Indonesia. *Prosiding Seminar UHNAS-UKM2009, SERUMPUN IV, FSSK 4-5 JULAI 2009*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Izzuddin N. & Mohammad Agus Y. (2017). Rasuah Politik Dan Implikasinya Terhadap Politik Malaysia. *Proceedings of the 6th International Conference on Social Sciences and Humanities* (699-710). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ng, D. (2006), "The impact of corruption on financial markets", *Managerial Finance*, Vol. 32 No. 10, pp. 822-836. <https://doi.org/10.1108/03074350710688314>
- Sarah Dina Mohd Adnan. (2013). Impak Rasuah Kepada Pertumbuhan Ekonomi. *Prosiding PERKEM VIII, JILID 2, 7–9*. http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013_1E4.pdf
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. 2023. <https://www.sprm.gov.my/>
- Transparency International. (2020, August 10). *What is corruption?* Transparency.org. <https://www.transparency.org/what-is-corruption>

Zakaria bin Abdullah. (2012). *Pengajaran dan pembelajaran berasaskan pendekatan berpusatkan pelajar dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan.* (Master Disertation, Universiti Kebangsaan Malaysia)
<http://myto.upm.edu.my/find/Record/b1580513x>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.